

# JPWPL Jalin Hubungan Dua Hala dengan Negara Jepun



**Labuan, 29 Julai** – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah berjaya mewujudkan hubungan dua hala profesional dalam bidang pendidikan dan pembangunan bola sepak dengan negara Jepun.

Jabatan ini telah dikunjungi oleh Mr Tatsuya Tony Takahashi, *Director NPO SAM (Save the Asian Monuments)*, Mr Kojima Takuya, *Senior Coach of Tokyo Football Association*, Miss Iyama Tomomi, *Nursing, medical science and student care teacher, Board member of NPO SAM* dan Mr Daichi Baba, pada 25 Julai hingga 28 Julai 2019.

Rombongan telah melawat beberapa sekolah, antaranya ialah SK Sungai Bedaun, SMK Taman Perumahan Bedaun dan SMK Mutiara.

Pihak sekolah telah membuat sesi perkongsian mengenai Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dan *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*, di samping aktiviti-aktiviti pembelajaran dan pengajaran di

dalam kelas.



Rombongan NPO SAM, Jepun, Pegawai-pegawai JPNS, pegawai-pegawai JPWPL bergambar kenangan bersama murid-murid SK Sungai Bedaun.

Di SMK Mutiara dan SMK Taman Perumahan Bedaun, Mrs Iyama Tomomi dan Mr Daichi Baba telah berkongsi kepada para guru berkenaan pendidikan dalam penjagaan kesihatan di sekolah-sekolah Jepun.



Dari kiri Dr Hyginus, Mrs Sally Ann Scott, Encik Mohd Nizam, Mrs Iyama Tomomi dan Mr Daichi dalam perkongsian

pendidikan mengenai penjagaan kesihatan di sekolah-sekolah Jepun

Sempena lawatan tersebut juga, satu pertandingan Karnival Mini Liga Bola Sepak antara sekolah-sekolah Menengah di Labuan telah diadakan di Padang Bola Sepak SMK Pantai dan SK Pantai.

Mr Kojima Takuya telah mengambil bahagian sepenuhnya dalam karnival itu dengan memberi dorongan dan sokongan kepada sekolah-sekolah yang bertanding.

Beliau turut memuji kemahiran individu yang dimiliki oleh pemain-pemain sekolah di Labuan tetapi masih banyak ruang untuk diperbaiki terutama dalam permainan berpasukan.

Mr Kojima juga telah berkongsi kepakaran dan pengalaman kepada jurulatih-jurulatih setiap sekolah dalam memperbaiki kelemahan pasukan dan pihaknya bersedia untuk membantu mengembangkan lagi teknik kejurulatihan dan kemahiran para pemain.

Beliau akan membawa para pemain remaja bola sepak di Jepun untuk membuat kolaborasi dan perlawanan persahabatan bagi meningkatkan lagi pembangunan bola sepak di wilayah ini.



Mr Kojima dan Puan Norazita bersama pemain bola sepak SMK Pantai

Terdahulu, Mr Kojima dan Mr Daichi sempat menyertai pasukan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan dalam perlawanan persahabatan menentang Pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Labuan.



Para Pemain JPWPL dan ATM Labuan



Dari kiri Mr Tony, Mr Daichi, Mr Kojima, Encik Raisin Saidin dan para pemain JPWPL

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin ketika ditemui dalam perbincangan antara kedua-dua pihak, mengucapkan terima kasih dan menzahirkan rasa gembira dengan kehadiran para rombongan dari Jepun yang hadir.

Beliau berharap jalinan kerjasama ini dapat mewujudkan

hubungan dua hala profesional dalam bidang pendidikan dan pembangunan sepak bola untuk pengembangan profesional guru dan murid antara Labuan dan Jepun.

Perancangan seterusnya dengan membawa pelajar-pelajar daripada Universiti Toyo, Jepun untuk datang berkunjung ke Labuan pada tahun 2020.



Ketika sesi lawatan ke SMK Taman Perumahan Bedaun

---

# **Hari Koperasi Sekolah (HKS) SMK Labuan Suburkan Budaya Keusahawanan dan Kemasyarakatan**



**Labuan, 31 Julai** – Hari Koperasi Sekolah (HKS) SMK Labuan telah menyuburkan budaya keusahawanan dan kemasyarakatan, demikian intipati ucapan perasmian oleh Datuk Hajah Noraini binti Datuk Seri Panglima Hj Salleh, Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Sabah.

Beliau berkata, Koperasi sekolah menyediakan murid-murid dengan peluang menimba pengalaman dalam bidang perniagaan. Ini secara langsung juga dapat memberi impak kepada pembangunan sifat-sifat positif murid seperti rajin, jujur, bekerjasama dan komited terhadap tanggungjawab yang diberi.

Hari Koperasi Sekolah (HKS) SMK Labuan 2019 yang berlangsung pada 28 Julai lalu, menyediakan pelbagai aktiviti dan pengisian. Antaranya Koop Run 5 KM, menyediakan gerai jualan, pameran, pertandingan karya penulisan, mewarna untuk kanak-kanak, pertandingan melukis untuk pelajar dan lawatan kemasyarakatan.

Hari Koperasi SMK Labuan bertambah meriah dengan hasil gabungan kerjasama agensi lain melalui aktiviti seperti kitar semula bersama Perbadanan Labuan, menderma darah bersama Jabatan Kesihatan WP Labuan, pertandingan Petanque bersama Jabatan Belia dan Sukan, ceramah

pendidikan keusahawanan bersama Perbadanan Nasional Berhad dan pameran pelbagai agensi.



Koperasi SMK Labuan Berhad berazam untuk terus memberi sumbangan positif kepada sekolah amnya dan kepada murid-murid khasnya. Ini juga secara kolektifnya akan memberi sumbangan kepada kemajuan gerakan koperasi di peringkat nasional.

Jumlah jualan Koperasi SMKL Berhad bagi tahun berakhir 31 Mac untuk 3 tahun terakhir bermula 2017 hingga 2019 menunjukkan peningkatan yang semakin ketara.

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah berkata pihak sekolah komited dengan peranan koperasi sekolah iaitu membantu membangunkan modal insan yang kompetitif serta berpotensi untuk memperkuuhkan bidang keusahawanan negara.

Beliau juga menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pameran-pameran serta aktiviti kitar semula, yang merupakan aktiviti yang menyumbang kepada penyuburan sikap menghargai alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

Di majlis yang sama, Adik Kizzer Poh dan Siti Nordiana binti Abdullah, masing-masing telah mendapat Anugerah

Khas Koperator Lelaki dan Perempuan Terbaik 2019.

Turut hadir Encik Jaafar bin Matusin, Penolong Pengarah Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan WP Labuan, Tuan Haji Md Yusof bin Haji Chuchu, Yang Dipertua PIBG SMK Labuan, Encik Azmaniansyah Bin Bachok, Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Labuan, Puan Yantie Bakir, Ketua Peladang Muda, Pertubuhan Peladang Kawasan Labuan Selatan.

**Berita Oleh : SMK Labuan**



Dari kiri Encik Kitli, Encik Jaafar, Encik Azmaniansyah, Encik Ismail, Datuk Hjh Noraini, Tuan Hj Yusof, Encik Saminan dan Puan Yantie



Koperator Terbaik Kizzer Poh



Koperator Terbaik Siti Nordiana

---

**Pelari Sabah kuasai KOOP  
Run SMK Labuan 2019**



**Labuan, 31 Julai** – Pelari dari Sabah Safree Sabdin dan Marlin Hing William mengungguli KOOOP Run 5 Kilometer SMK Labuan 2019 yang diadakan pada ahad lalu bersempena dengan Hari Koperasi Sekolah SMK Labuan.

Safree Sabdin dari Penampang Sabah menguasai kategori Lelaki, meninggalkan Aizan Sofizan (Tamparuli) ditempat kedua dan Fabian Osmond Daimond (Inanam) ditempat ketiga.

Marlin Hing muncul juara kategori Perempuan dengan mengatasi pencabar terdekat Melsheira Jumit dari Tenom dan Davein Joyce a/p Habalan dari Beaufort, masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Johan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai RM 500 dan sijil penyertaan. Naib johan dan tempat ketiga mendapat RM 300 dan RM 100 berserta sijil.

Manakala tempat ke 4 hingga ke 10 membawa pulang wang tunai RM 50 dan sijil penyertaan.

Seramai 240 orang peserta telah menyertai larian ini yang telah disempurnakan oleh Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail bin Abdullah.



Peserta-peserta KOOP Run 5 km SMKL 2019

Encik Ismail mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pihak-pihak yang menyumbang hadiah-hadiah sempena Koop Run SMK Labuan ini.

*“Semoga acara ini akan menjadi daya tarikan untuk acara yang lebih besar kerana SMK Labuan bercadang untuk menganjurkan Larian SMK Labuan 100 Tahun pada tahun 2021 nanti, seterusnya menyemarakkan pelancong luar datang ke Labuan”. Encik Ismail Abdullah*

Turut memeriahkan program tersebut, Yang DiPertua PIBG SMK Labuan, Tuan Haji Md Yusof Haji Chuchu, Puan Zalina Zunkepely (Penolong Kanan Pentadbiran), Puan Marziawati Mardan (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid), Encik Cheah Teong Aik (Penolong Kanan Kokurikulum), Encik Saminan Sabtu (Penolong Kanan Pusat Tingkatan Enam) dan Encik Kitli Beka (Penolong Kanan Petang).

**Berita Oleh : SMK Labuan**



Encik Ismail bersama para pemenang kategori lelaki KOOP Run SMK Labuan 2019



Safree Sabdin Johan kategori Lelaki



Marlin Hing William Johan Kategori Perempuan

---

Program Peningkatan

# **Penguasaan Tahap Minimum Matematik Murid-murid Tahun 6 Sekolah-sekolah Rendah W.P Labuan**



LABUAN, Sabtu – Jabatan Pendidikan W.P Labuan (JPWPL) dan anjuran bersama Task Force Matematik JPWPL dan Pusat Pungutan Zakat W.P Labuan mengadakan Program Peningkatan Penguasaan Tahap Minimum Matematik Murid-murid Tahun 6 Sekolah-sekolah Rendah W.P Labuan bertempat di Dewan Institut Latihan Perindustrian (ILP). Program ini disertai seramai 160 orang murid calon UPSR seluruh W.P Labuan dan 55 orang guru terdiri daripada PK pentadbiran, ketua panitia Matematik dan guru-guru Matematik Tahun 6. Penceramah jemputan program peningkatan ini ialah Encik Azri bin Omar yang merupakan ketua pasukan bersama pemeriksa kertas. Beliau juga merupakan seorang penggubal soalan dan guru cemerlang (Matematik).



Program ini bertujuan memantapkan mengukuhkan keyakinan diri, memberi kesedaran dan memantapkan kemahiran murid menjawab soalan kertas UPSR – Matematik dengan menggunakan teknik dan kaedah menjawab yang betul dan tepat dan meningkatkan kemahiran pedagogi guru dalam kaedah mengajar murid menjawab soalan dengan tepat dan betul. Selain itu, objektif program ini adalah untuk membantu murid-murid Tahun 6 pencapaian sederhana menguasai tahap minimum dalam mata pelajaran Matematik – UPSR.

Pengarah JPWPL, Raisin bin Saidin, yang telah merasmikan program ini dalam ucapannya berharap agar program ini dapat memberi impak kepada semua murid yang menyertai program ini. Beliau juga berharap melalui perkongsian ilmu dan pengalaman penceramah akan membantu meningkatkan prestasi subjek Matematik di Wilayah Persekutuan Labuan dalam UPSR pada tahun ini. Pengerusi Task Force Matematik JPWPL, Norinnie binti Kassim turut mengucapkan terima kasih kepada guru dan murid dari 15 buah sekolah yang menyertai program ini. Beliau juga berharap program ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi meningkatkan kecemerlangan prestasi mata pelajaran Matematik di Wilayah Persekutuan Labuan. Turut hadir Ustaz Hj Ahmad Shahrizal Bin Mohd Saffian, Pengurus Pusat Pungutan Zakat W. P Labuan dan Timbalan Pengerusi Task Force Matematik, Puan Murni binti Jaafar.



---

**Ikon Guru Lakar Sejarah di**

# Indonesia sebagai Pembentang Pleno



Ikon

Guru Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia 2015, Dr. Hyginus Lester Junior

Lee melakar sejarah apabila menjadi pembentang utama tunggal dari Malaysia dalam sidang pleno persidangan antarabangsa Indonesia.

Sidang

Pleno adalah sesi lengkap yang dihadiri oleh semua peserta sesuatu persidangan dan umumnya disampaikan oleh tokoh dan ilmuwan tersohor dalam bidang tertentu.

Anak

Kelahiran Kota Kinabalu dan sedang berkhidmat sebagai pegawai Pembimbing Pakar

Peningkatan Sekolah (SISC+) Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan adalah seorang daripada empat pembentang pleno luar negara dalam *The 3<sup>rd</sup> Indonesia International Conference on Linguistics, Language Teaching, Literature and Culture* yang berlangsung pada 20-22 Julai 2019 di Universitas Pamulang, Indonesia.

Tiga pembentang pleno luar negara yang lain ialah Dr. Mark Fraser dari Universiti Wollongong (Australia), Paul Smith, OBE (British Council Jakarta), dan Shri Makrand Shukla (Pengarah, Jawaharlal Nehru Indian Cultural Centre, Kedutaan India di Jakarta). Lima pembentang pleno dalam negara dari Indonesia ialah Profesor Sihabudin (Universitas Pendidikan Indonesia), Dr. Condro Nur Alim (Universitas Muhammadiyah Purwokerto), Dr. Desvalini Anwar (Universitas Negeri Padang), Hjh Djasminar Anwar (Universitas Pamulang), dan Dr. Muhammad Widan (Universitas Pamulang).



Dari kiri: Dr Desvalini, Dr Hyginus, Hjh Djaminar dan Dr. Mark Fraser

### Perunding

Pendidikan Amerika Syarikat, John Parker dan Perunding Pendidikan Amsterdam, Paul

Bijlsma merupakan dua pembentang fitur (*featured speaker*).

### Persidangan

tiga hari itu dirasmikan oleh Profesor Dr. Uman Suherman, Kepala LLDIKTI Wilayah IV Jabar-Banten di Kampus III Viktor Lt.8, Universitas Pamulang.

Profesor Dr. Joko Nurkamto daripada Universiti

Sebelas Maret yang juga Presiden TEFLIN dijemput sebagai pembicara utama (*keynote speaker*)

Dr.

Hyginus menyatakan bahawa beliau teruja apabila dijemput sebagai pembentang tunggal Malaysia sidang pleno dan amat berterima kasih di atas kepercayaan pihak universiti memberi peluang berkongsi dapatan kajian tindakan inovasi pembelajaran bahasa Inggeris bertajuk "I SPY 5 Starflowers: Innovating Teaching, Facilitating Learning of Subject-Verb Agreement and Plural Nouns".

"I

SPY 5 Starflowers" merupakan inovasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris yang memberi fokus kepada aspek tatabahasa *subject-verb agreement* dan *plural nouns*. Inovasi tersebut adalah penambahbaikan daripada inovasi awal beliau "I SPY 5 Stars" dan "I SPY 5 Stars Version 2.0" yang telahpun memenangi pelbagai anugerah peringkat negeri, kebangsaan, dan antarabangsa.

Kajian tindakan yang melibatkan 264 orang murid ini adalah hasil kerjasama Ketua Panitia Bahasa Inggeris SMK Mutiara Wilayah Persekutuan Labuan, Cik Debbie Lawrence dan Ketua Pentaksir Lisan Sekolah, Puan Onnia Ahngol. Inovasi tersebut telah dibentangkan di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara dalam Seminar Kajian Tindakan Panitia pada 06 April 2019 dan dipamerkan dalam The 3<sup>rd</sup> Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar (3<sup>rd</sup> CAIELTS 2018), Pertandingan Kreativiti dan Inovasi PIBG SMK Mutiara 2018, dan Karnival Mai Tah

Ba'Inovasi Peringkat Kebangsaan 2019.



Dr. Hyginus menerima sijil daripada Hjh Djasminar Anwar, Dekan Fakulti Persuratan, Universitas Pamulang

Dr.

Hyginus merakamkan penghargaan kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah

Persekutuan Labuan, Encik Raisin bin Saidin, Pegawai SIP+ yang juga mantan

Pengetua SMK Mutiara, Encik Louren Abon, Ketua Sektor

Jaminan Kualiti Cik  
Khaziyati Osman, dan Ketua Pengurusan Akademik Encik  
Yusup Mohammad atas  
sokongan penglibatan kakitangan jabatan dalam kajian dan  
inovasi.

Dr. Hyginus merupakan penerima anugerah Ikon Inovasi  
Kebangsaan MyRIS 2019 dan Ikon Guru Inovasi Jabatan  
Pendidikan W. P. Labuan 2019. Bett Asia yang berpusat di  
United Kingdom pernah menobatkan beliau sebagai Warga  
Global 2016 (*Global Citizen*) kerana kecemerlangan beliau  
dalam inovasi dan penyelidikan peringkat antarabangsa.  
Beliau menganjurkan bengkel percuma untuk guru dan murid  
dan boleh dihubungi melalui laman Facebook “Hyginovasi”  
atau [hyginovasi.blogspot.com](http://hyginovasi.blogspot.com)



# THE 3<sup>rd</sup> ICLL TLC 2019

The 3rd Indonesia International Conferenceon Linguistics, Language Teaching, Literature and Culture  
"Inaugurating Indonesia 50 through Linguistics, Language Teaching, Culture and Literary Studies"



20 - 22 July 2019

Kampus III UNPAM VIKTOR Lt.8

organized by

English & Indonesian Departments

[www.unpam.ac.id](http://www.unpam.ac.id)

<http://www.sastra.unpam.ac.id/>



## Keynote and Plenary Speakers



Prof.Dr. Joko Nurkamto  
(Univ. Sebelas Maret)  
TEFLIN President



by  
Kepala LLDIKTI Wilayah IV Jabar-Banten  
Prof. Dr. Uman Suherman AS, M.Pd.



Dr. Mark Fraser  
(The University of Wollongong, Australia)



Paul Smith , MA  
(British Council - UK)



Makrand Shukla, MA.  
(India)



Prof. Sihabudin  
(Univ. Pendidikan Indonesia)



Dr. Hygimus Lester Junior Lee  
(Labuan Education Department,  
Federal Territory of Labuan Malaysia)



Condro Nur Alim, PhD  
(Univ. Muhammadiyah Purwokerto)



Desvalini Anwar, S.S., M.Hum., Ph.D.  
(Univ Negeri Padang)



Djasminar Anwar BA, Pg.Dipl.MA.  
(UNPAM)



Dr. Muhammad Wildan, M.A.  
(UNPAM)



John Packer M.A.  
(Consultant - America)



Bijlma M.A.  
(Consultant - Amsterdam)

## Opening Ceremony by

### Topics of the Conference :

1. Linguistics / Linguistik
2. Applied Linguistics
3. Blended learning
4. Innovation in Learning and Teaching
5. Digital Literacy
6. English for Specific Purposes (ESP)
7. IT for Language Teaching
8. Language Teaching
9. Literature and Art/Sastra dan Seni
10. Literature and Gender
11. Children Literature/Sastra Anak
12. Teaching Literature/Pengajaran Sastra
13. Cross Culture Understanding
14. Culture in Industry 4.0
15. Kritik sastra: Strukturalisme, Psikoanalisis Feminisme, dan Poskolonialisme, dan Postmodernisme
16. Sastra dan Pendidikan
17. Topik lain yang berhubungan dengan tema.

### Important Dates :

1. Abstract Submission Deadline : June 20, 2019
2. Notification Abstract Acceptance : June 23, 2019
3. Full Paper Submission Deadline : July 5, 2019
4. Early Bird Date : May - June 10, 2019

All Papers accepted will be published in ISBN proceedings with additional cost.

### REGISTRATION FEE

#### Indonesian Presenters and Participants

Presenters Participants

- Lecturers - Lecturers

Early Bird : Rp. 350.000 -, Early Bird : Rp. 250.000 -,

- Students (S2) - Students

Early Bird : Rp. 150.000 -, Early Bird : Rp. 125.000 -,

- General : Rp. 200.000 -,

Overseas Participants

US\$100 for a three-day conference ( Conference kits, dinner, lunches and certificate )

Payment can be made via account to :

Bank Name : DKI


Account Name : Tryana

Account Number : 42523008700

Sponsored by:

YAYASAN

SASMITA JAYA



Indian Cultural Centre JKT



# **Program Pengantarabangsaan NPO SAM Jepun dan Lawatan kerja SPS Negeri Sembilan ke SK Sungai Bedaun**



**Labuan, 29 Julai** – Seramai empat pegawai daripada Non-Profit Organization (NPO) Save the Asian Monument (SAM) Jepun dan 23 pegawai daripada Sektor Pengurusan Sekolah (SPS), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) telah mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) Jumaat lalu.

Lawatan NPO, SAM diketuai oleh Mr Takahashi Tony Tatsuya dan Mrs. Iyama Tomomi. Turut hadir Mr Kojima Takuya, jurulatih bola sepak dan Mr Daichi Baba.

Manakala kunjungan rombongan daripada JPNS diketuai oleh Haji Misri bin Mustama, Ketua Sektor SPS, JPNS.

Ketibaan rombongan tersebut disambut oleh murid-murid yang memakai pakaian tradisional masyarakat tempatan

iaitu kaum Kedayan, kaum Iban, kaum Kadazan, kaum Dusun serta lengkap berpakaian kebangsaan Malaysia iaitu baju melayu dan baju kurung.

Turut dipersembahkan muzik tradisional kulintangan yang dimainkan oleh murid-murid tahun tiga dan enam.



Murid-murid SK Sungai Bedaun menggayakan pakaian tradisional masyarakat tempatan bergambar ceria bersama ahli rombongan JP Negeri Sembilan dan pegawai-pegawai JPWPL



*Persembahan kulintangan yang menjadi perhatian ahli rombongan JPNS dan NPO SAM, Jepun*

Menurut Penolong Kanan Hal Ehwal Murid , Puan Kamariah binti Salim yang merupakan ketua bahagian sambut tamu, pemilihan aktiviti ini merupakan usaha memantapkan program silang budaya bagi mencorak pemikiran generasi masa depan.

Rombongan tersebut dibawa meninjau *Gallery Walk (Project Based Learning – STEM)* di Dewan Mutiara. Sebanyak enam stesen projek murid tahun lima dipamerkan. Antaranya ialah “*Build a Volcano*” (*Science*), “*Parachute Rocket*” (*Engineering*), “*Propeller Car*” (*Engineering*), “*Augmented Reality*” (*Technology*), “*Build a Catapult*” (*Engineering*) dan “*Bridge Building Challenge*” (*Engineering*).

“ Pada hari ini kita dapat melihat hasil projek anak-anak SK Sungai Bedaun yang berjaya menyelesaikan tugas yang diberi dan menghasilkan projek bagi mengatasi masalah tersebut,” jelas Pn.Rina Farrina, Penolong Kanan Pentadbiran sebagai penyelaras projek.

Justeru, melalui Pendidikan STEM pihak sekolah amnya dengan kerjasama ibu bapa, komuniti melaksanakan pelbagai program sebagai persiapan melahirkan guna tenaga yang mampu memenuhi keperluan industry sesuai dengan agenda transformasi Pendidikan abad ke-21.

Ujarnya lagi, pendidikan STEM juga menekankan konsep berpandukan komponen 6C dalam pdp iaitu *communication*, *creative thinking*, *critical thinking*, *citizenship*, *character* dan *collaboration* seperti yang terkandung di dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) serta menekankan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).



*Ahli rombongan begitu tekun mendengar penjelasan daripada pempamer berkenaan projek STEM mereka.*

Mereka turut melihat Kelas Simulasi Bahasa Arab tahun tiga yang dikendalikan oleh Ustazah Anfal Binti Amir dan Ustazah Suadah binti Abdul Wahab yang merupakan PLC yang berkonseptkan pengajaran berpasangan.

PLC ini merupakan salah satu cara untuk membantu guru yang bukan opsyen untuk memantapkan pdpc dalam mata pelajaran yang diajar.

Mereka juga dibawa melawat Galeri Mutiara, melihat sendiri pemeriksaan kesihatan gigi, melihat kerja-kerja menaiktaraf musolla Al-Kauthar dan melawat tiga buah kelas pra sekolah.

Penolong Kanan Kokurikulum, Encik Mohd Aizam bin Abdul Rahim turut menyatakan kesyukuran kerana mendapat bimbingan kejurulatihan bola sepak daripada En.Kojima Tokuya yang merupakan Jurulatih Bola Sepak dan perkongsian ilmu daripada Mrs.Iyama Tomomi bersama guru-

guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Mrs. Iyama Tomomi, pengarah NPO SAM turut mengadakan sesi perkongsian pintar dengan guru-guru. Beliau menyampaikan taklimat ringkas bertajuk "*The Role Of Yogo Teachers and Functions of the Health Room*".



*Rombongan NPO SAM, Jepun sempat merakamkan gambar kenangan di Galeri Mutiara bersama Dg. Sarifah (dua dari kanan) dan Norinie (dua dari kiri).*



*Mr Takahashi Tony Tatsuya (kanan), Mrs. Iyama Tomomi (tiga dari kiri) dan Mr Kojima Takuya (dua dari kanan) melihat peperiksaan gigi murid oleh pegawai pergigian.*  
Siri lawatan pada pagi ini turut dimeriahkan dengan kehadiran Ketua-ketua sektor dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL).

Guru Besar SK Sungai Bedaun, Puan Dg. Sarifah Binti A. Mahmud mengalu-alukan kehadiran ahli rombongan daripada NPO SAM dan pegawai-pegawai SPS, JPNS dan menyampaikan ucapan penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan yang memberi peluang dan kepercayaan SK.Sungai Bedaun untuk terlibat sama sempena Minggu Pengantarabangsaan Labuan melalui Pendidikan. Beliau berharap semoga dengan program pengantarabangsaan dan penandaaranan ini dapat membina hubungan rapat di antara sekolah dengan NPO SAM Japan dan JPNS melalui ‘Smart Partnership’ berkaitan dengan perkongsian ilmu dan kepakaran.

Sementara itu, Tuan Haji Misri bin Mustama, Ketua Sektor

SPS, JPNS mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah di atas sambutan dan layanan yang sungguh mesra kepada ahli rombongan.

“Kami banyak belajar melalui lawatan ini. Semoga ianya dapat mewujudkan satu sistem perkongsian maklumat bersama di antara JPNS yang melaksanakan penanda aras dengan SK Sungai Bedaun iaitu sekolah rujukannya” katanya ketika berucap dalam majlis tersebut.

### Berita Oleh : SK Sungai Bedaun



Puan Dg. Sarifah (duduk lima dari kiri) rombongan NPO SAM, Jepun, Pegawai-pegawai JPNS, ketua-ketua sektor, pegawai-pegawai JPWPL bergambar kenangan bersama guru-guru SK Sungai Bedaun.



Rombongan JPNS, merakamkan gambar kenangan bersama pegawai-pegawai JPWPL, guru-guru dan murid-murid SK

*Sungai Bedaun.*



*Lawatan untuk melihat projek menaiktaraf Musolla Al-Kauthar*

---

# **The 4th International Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar**



Panitia

Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara  
Wilayah Persekutuan Labuan  
dengan kerjasama Unit Bahasa, Jabatan Pendidikan Wilayah  
Persekutuan Labuan

telah menganjurkan The 4<sup>th</sup> International Creativity and Innovation

Exhibition & Language Teaching Seminar atau ringkasnya 4<sup>th</sup>  
CAIELTS

2019 pada 27 Julai 2019 bertempat di Dewan Semarak SMK  
Mutiara. Program tersebut

juga telah mendapat sokongan Persatuan Ibu Bapa dan Guru  
SMK Mutiara dan SISC+

Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Wilayah  
Persekutuan Labuan.

Majlis perasmian pembukaan 4<sup>th</sup>

CAIELTS 2019 telah disempurnakan oleh Encik Mohd Nizam  
bin Yasim, Pengetua SMK

Mutiara selaku Penasihat CAIELTS. Dalam ucapannya, beliau  
merakamkan

penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan  
Jabatan Pendidikan

Wilayah Persekutuan Labuan kerana telah menyokong usaha

sekolah meningkatkan kualiti pedagogi melalui perkongsian amalan baik pembentangan kertas kerja dan pameran produk kreatif dan inovatif oleh guru-guru dalam dan luar Labuan.

Menurutnya lagi, CAIELTS bermula sebagai latihan dalam perkhidmatan peringkat Panitia Bahasa Inggeris SMK Mutiara yang pernah dipimpin oleh Dr. Hyginus Lester dan dahulunya dikenali sebagai Creative and Innovative English Language Teaching Seminar pada tahun 2016. Namun, tahun 2017 memperlihatkan penjenamaan semula CAIELTS sebagai Creativity and Innovation Exhibition & Language Teaching Seminar kerana peranannya yang lebih meluas. Ucapan terima kasih dilahirkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Labuan dan Innospace Labuan kerana telah menjadi kolaborator CAIELTS pada tahun 2016 dan 2017.

Beliau turut mengalu-alukan penyertaan 18 pembentangan kertas kerja, 48 pempamer, 19 peserta, 3 hakim inovasi, dan 21 orang ahli jawatankuasa pengelola. Antara yang hadir dalam seminar tersebut adalah Ikon Guru Kebangsaan, Dr. Hyginus Lester Junior Lee, Ikon Guru Labuan Puan Suriani Alland Rice Oxley dan Encik Samih bin Kukung serta Guru Adiwira Labuan, Cik Norfadzillah Chin dan Encik Yahya Burhanuddin.



Guru sedang menerangkan bahan pameran kepada pengunjung dari negara Jepun

Pengerusi Pengelola CAIELTS, Dr. Hyginus Lester

Junior Lee menyatakan bahawa CAIELTS tahun ini lebih unik dan istimewa kerana

menyelit pembentangan maya daripada dua pembentang luar negara, Profesor Madya

Dr. Jonathan Mark Newton dan Dr. Bui Le Diem Trang (Vietnam), masing-masing

pensyarah kanan dan lulusan pascasiswazah Victoria University of Wellington,

New Zealand. Pembentangan maya itu adalah tentang pengajaran bahasa Inggeris

melalui Task-based Language Teaching (TBLT) yang berjaya menggalakkan kemahiran

komunikatif dan pembelajaran berpusatkan murid.

Sally Ann Scott dari Labuan English Academy adalah salah seorang pembentang fitur (featured speaker) dalam CAIELTS. Berasal dari United Kingdom, beliau berkongsi teknik dan petua mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam konteks sekolah rendah di Labuan. Puan Tomomi Iyama

dari NPO SAM Japan dan Encik Daichi Baba dari ZenFoods Japan berkongsi tentang penjagaan kesihatan di sekolah-sekolah Jepun.

Dalam ucapan perasmian penutupan 4<sup>th</sup> CAIELTS 2019, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin bin Saidin menyatakan bahawa seminar pengajaran bahasa seperti ini dapat mendedahkan dan menerapkan amalan pedagogi kreatif dan inovatif dalam kalangan guru berorientasikan konsep pembelajaran abad ke-21, lantas mampu meningkatkan penguasaan dan profisiensi murid dalam bidang bahasa menggunakan aktiviti yang menarik dan efektif. Pameran kreativiti dan inovasi pula menjadi platform guru-guru berpengalaman memperkenalkan amalan pedagogi kreatif dan inovatif untuk dikongsi bersama, mempersebahkan kaedah pembelajaran dan pengajaran lebih menarik, membincangkan isu dan cabaran dalam pendidikan abad ke-21, dan membangunkan motivasi dan minat murid dalam pembelajaran serta menjana pemikiran yang lebih kritis. Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh Encik Louren Abon, Pegawai SIP+ Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, wakil rasmi Pengarah Pendidikan.



Majlis Perasmian penutupan oleh Encik Louren (kiri) bersama Encik Mohd Nizam, Dr. Hyginus dan Puan Siti Aminah

The

4<sup>th</sup> CAIELTS 2019 turut memberikan sijil penghargaan kepada tiga orang inovator dalam kalangan pegawai pendidikan yang telah mengharumkan nama sekolah, jabatan, negeri, dan negara dalam program kreativiti dan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penerima sijil tersebut adalah Puan Suriani Alland Rice Oxley, Dr. Hyginus Lester Junior Lee, dan Encik Samih bin Kukung.

Bagi penilaian pembentangan pengajaran bahasa, Dr. Hyginus Lester Junior Lee meraih pingat emas dengan tajuk kajian “The Mystery of As”. Penerima pingat emas yang lain ialah Encik Samih bin Kukung (Velcro Smart Board Innovation – SK Lubok Temiang), Puan Junaidah Baharuddin dan Cik Norsuziana Amnor (ROGABA – SMK Mutiara), Pasukan SISC+ (Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan), dan Noor Azma Mukhtar (Keberkesanan Penggunaan Simbol Nombor Dalam Proses Tranformasi Ayat – SM Sains Labuan). Anugerah Pilihan Hakim bagi pembentangan terbaik pengajaran bahasa dirangkul oleh Encik Samih bin Kukung dan Dr. Hyginus Lester Junior Lee.

Penilaian Pameran Kreativiti dan Inovasi melihat pasukan I SPY 5 Starflowers (SMK Mutiara), Velcro Smart Board Innovation (SK Lubok Temiang), Model E-VAR (SMK Mutiara), BaTaSuSiRum (SM St. Anne), Biology A+ Secretbox (SM Sains Labuan), Grammar Blocks (SM Sains Labuan), DIY Mini Kit (SM Sains Labuan), Kit ALLIN 1 (SK Sangkabok, Kuala Penyu), CoCA-Or-La (SM Sains Labuan), dan Lukisan Kronologi (SM Sains Labuan) meraih pingat emas. Anugerah Pilihan Hakim kategori kreativiti dan inovasi dirangkul oleh Kit ALLIN 1 (SK Sangkabok, Kuala Penyu), KIT DIY Mini Kit (SM Sains Labuan), dan Lukisan Kronologi (SM Sains Labuan).

Turut hadir dalam The 4<sup>th</sup> CAIELTS 2019 ialah Puan Siti

Aminah binti Zakaria (Penolong Kanan Pentadbiran SMK Mutiara) dan Encik Josten Lamibai (Penolong Kanan Kokurikulum SMK Mutiara).

**Berita Oleh : SMK Mutiara**



Pemenang Pingat Emas Kreativiti dan Inovasi (Pasukan I SPY 5 Starflowers – SMK Mutiara)



Pembentangan Puan Sally Ann Scott



Penerima sijil penghargaan (dari kiri: Dr Hyginus, Puan Suriani, Encik Samih)





(dari kiri: Dr. Hyginus, Puan Sally Ann Scott, Encik Mohd Nizam, Puan Tamomi Iyama, Encik Daichi)

---

# Karnival Riang Ria Prasekolah Peringkat Negeri W.P Labuan



Labuan, 25 Julai- Karnival Riang Ria Prasekolah peringkat

negeri WP Labuan telah dijalankan di Prasekolah SK Sg Lada. Kumpulan sasaran karnival ini ialah seluruh murid-murid Wiayah Persekutun Labuan termasuklah murid-murid SKPS yang sudah pastinya tidak ketinggalan mengambil bahagian. Karnival ini diadakan pada 25 Julai sehingga 27 Julai 2019. Antara pertandingan yang dijalankan termasuklah membaca lancar, hafazan dan membina perkataan dalam Bahasa Inggeris di adakan di SK Sg Lada selaku tuan rumah Karnival Riang Ria Prasekolah pada tahun ini. Prasekolah Sekolah Kebangsaan Pekan Satu telah menghantar 3 individu iaitu 2 lelaki dan 1 perempuan bagi kategori membaca lancar Bahasa Melayu, Hafazan kategori lelaki dan perempuan. Tidak ketinggalan juga wakil seramai 4 orang bagi pertandingan membina perkataan dalam Bahasa Inggeris. Manakala wakil bagi persembahan prasekolah pula disertai oleh 16 orang murid cili api. Terdapat kira-kira 14 buah sekolah yang menyertai Karnival Riang Ria Prasekolah Peringkat negeri WP Labuan. Berikut merupakan senarai nama peserta Prasekolah Sekolah Kebangsaan Pekan Satu.

#### Membaca Lancar Bahasa Melayu

1. Irfan Ziqri bin Mohd Faiz

#### Hafazan

1. Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti (L)
2. Nur Aisyah Syazana Binti Juply (P)

#### Permainan Bahasa (Bahasa Inggeris)

1. Muhammad Adi Khairi Bin Ali Rahman
2. Putra Arrashiddin Bin Abdullah
3. Wan Arif Isyraff Bin Wan Abdul Halim
4. Nur Zarra Arissa Binti Rume

#### Persembahan Bakat Prasekolah

1. Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti

2. Muhammad Adi Khairi Bin Ali Rahman
3. Muhammad Azmin Bin Abdullah
4. Muhammad Firash Bin Mohd Fadil
5. Muhammad Ikhwan Bin Ramlan
6. Irfan Ziqri Bin Mohd Faiz
7. Wan Arif Isyraf Bin Wan Abdul Halim
8. Putra Arrashiddin Bin Abdullah
9. Nur Hazirah Arissa Binti Mohd Hazim
10. Nur Zarra Arissa Binti Rume
11. Nurul Nazhirah Binti Romy
12. Aulyndra Beth Charlie
13. Nur Elfiera Ardinie Binti Masdi
14. Nurul Ashsiena Binti Norzi
15. Qisyah Nurwajihah Binti Hezri
16. Wan Zulaikha Zahra Binti Wan Zawawi



Percapaian terbaik bagi kategori hafazan lelaki ialah

adik Muhammad Hilmi Zuhdi Bin Mohd Sayuti yang telah dinobatkan sebagai Johan daripada 14 peserta. Manakala kategori perempuan yang terbaik ialah Nur Aisyah Syazana Binti Juply mendapat tempat ke-5 daripada 14 peserta. Bagi kategori membaca lancar Bahasa Melayu pula, adik Irfan Ziqri bin Mohd Faiz telah mendapat tempat ke-5 daripada 14 peserta yang menyertai dan turut menerima saguhati bagi kategori permainan bahasa inggeris. Bagi pertandingan persembahan pula telah mendapat *Anugerah Usahasama Terbaik* dan keputusan keseluruhan karnival riang ria Prasekolah Peringkat negeri WP Labuan Prasekolah Sk Pekan Satu telah mendapat tempat ke 5 dari 14 buah prasekolah yang bertanding. Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sokongan dan kejayaan kepada pasukan Prasekolah Sk Pekan Satu. Pencapaian ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan kerana jelas sekali peningkatan pencapaian prasekolah SKPS berbanding tahun lepas. Kesungguhan dan usaha para peserta telah membawa kemenangan kepada Prasekolah Sk Pekan Satu.



---

## **Jalinan Pintar JPWPL dan KUPU, Brunei Darussalam**



**Labuan, 23 Julai** – Jalinan kerjasama pintar yang telah terjalin bermula Januari 2019 yang lalu menjadi wadah kepada kerjasama berterusan antara Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama (KUPU) Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Lawatan kerja perkongsian komuniti pembelajaran professional dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) para pensyarah dan pelajar KUPU bermula 22hb sehingga 25hb Julai merupakan peluang yang sangat berharga kepada warga pendidik di Wilayah Persekutuan Labuan.

Rombongan seramai 17 orang ini diketuai oleh Pensyarah KUPU, Ustaz Dr Zulkifli bin Haji Zakaria.

Dalam beberapa siri lawatan ke sekolah, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin telah diwakili oleh Puan Khaziyati Osman, Ketua Sektor Jaminan Kualiti, merangkap Pengurus Program.

Antara sekolah yang dilawati oleh KUPU ialah SK Sungai Bedaun, SK Bebuloh, SK Pantai, SK Tanjung Aru, SMK Taman Perumahan Bedaun. Sekolah-sekolah ini merupakan sekolah

yang terlibat dengan Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25).



Para Pelajar dan guru didedahkan dengan bahan inovasi yang dihasilkan oleh pensyarah dan pelajar KUPU



Lawatan Perkongsian Inovasi PdP KUPU ke SK Bebuloh Rombongan juga turut melawat Sekolah Menengah Agama, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (SMA MAIWP Labuan) dan membuat sesi perkongsian bersama guru Pendidikan Islam di Wilayah ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan,

Encik Raisin Saidin mengalu-alukan semua ahli rombongan ke pulau yang indah ini untuk lawatan kerja perkongsian pembelajaran melalui inovasi dan kreativiti pedagogi yang boleh memberikan kepelbagaian bentuk alat inovasi yang boleh membantu guru-guru di Wilayah Persekutuan Labuan.

Inovasi merupakan tindak kerja untuk membina satu perkara atau hasil yang baharu atau membuat satu pembaharuan. Dalam hal ini, sebarang inovasi yang dihasilkan dapat menyemarakkan idea kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi guru serta pengurusan berkesan kepada pemimpin dan pengurus di jabatan dan sekolah.

*“Sehubungan dengan kehadiran rakan-rakan pendidik daripada negara Brunei Darussalam, bukan hanya dapat berkongsi kemahiran berinovasi dan berkreativiti dalam pendidikan, malah dapat mengukuhkan silaturrahim yang telah sedia terjalin”. Encik Raisin Saidin*



Encik Raisin Sadin tertarik mendengar penerangan mengenai Inovasi KUPU oleh Ustaz Haji Roslan Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Puan Khaziyati binti Osman berkata perkongsian ini akan memberi peluang kepada sekolah dan guru-guru Pendidikan Islam untuk menimba ilmu inovasi PdP yang pastinya boleh menambah kemahiran guru sedia ada.

Sementara itu, Ustaz Dr Zulkifli bin Haji Zakaria selaku ketua rombongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan di atas sambutan dan layanan yang cukup istimewa kepada ahli rombongan.

Besarlah harapan beliau agar lawatan kerja pendidikan ini dapat mengukuhkan lagi jalinan pendidikan antara Malaysia dan Brunei Darusalam serta diberkati dengan silaturrahim berterusan.



Puan Khaziyati (4 dari kiri) dan Ustaz Dr Zulkifli bersama Ketua-Ketua Sektor, Pegawai JPWPL dan Para Pensyarah serta pelajar-pelajar KUPU ketika lawatan ke Jabatan Pendidikan WP Labuan

**Sekitar Perkongsian Pintar inovasi KUPU bersama guru-guru Pendidikan Islam di Wilayah Persekutuan Labuan**







**Sekitar Perkongsian Pintar inovasi KUPU bersama guru-guru dan murid-murid SK Sungai Bedaun**





# Program Adikku Sayang Membentuk Jatidiri Remaja Muslim



**Labuan, 21 Julai :** Seramai 50 murid SMK MUTIARA dan 10 murid SMK LABUAN telah terpilih mengikuti kursus membina jatidiri remaja muslim bertempat di SMK MUTIARA dari 19 hingga 21 Julai 2019.

Program yang dikenali sebagai Adikku Sayang... Sayangi Masa Depanmu ini adalah anjuran SMK MUTIARA dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) WP Labuan . Antara objektifnya adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran remaja Islam dalam menangani isu dan cabaran masa kini.

Beberapa penceramah dan fasilitator telah dijemput untuk membuat perkongsian terbaik melalui sesi ceramah dan aktiviti perbengkelan. Antaranya ialah Ustaz Shahirul bin Abdullah daripada Kolej Matrikulasi Labuan, Cikgu Firdaus Lee Abdullah dari SMK Mutiara dan Ustaz Kapten Kamarulzaman Mat Isa daripada KAGAT TUDM Labuan.



Ustaz Shahirul sedang mengendalikan sesi ceramah Ketika ditemui, Ustaz Zainal Wahab selaku penyelaras program telah melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada pihak JAWI WP Labuan kerana telah menyediakan peruntukan kepada pihak sekolah untuk menganjurkan program-program berbentuk pembinaan insaniah ini.

Peruntukan telah digunakan sebaiknya terutamanya dalam membentuk remaja muslim seiring dengan perubahan cabaran semasa. Beliau juga merasakan bertuah kerana SMK Mutiara telah terpilih oleh pihak JAWI WP Labuan untuk menjalankan kerjasama erat dalam pembangunan modal insan muslim bermula dari alam remaja.

Program yang berlangsung selama 3 hari ini telah berjaya meningkatkan semangat dan motivasi diri para peserta yang terdiri daripada murid-murid tingkatan 3 hingga 5, Kelas Aliran Agama SMK Mutiara dan peserta jemputan dari tingkatan 3, SMK Labuan.

Mengulas lanjut perkara ini, Ustaz Mohd Zulaini Yaacob, Penolong Pengarah Kanan JAWI WP Labuan berkata pihaknya komited dalam menjalin kerjasama dengan sekolah-sekolah di wilayah ini. Sebenarnya inilah hasrat pihak JAWI W.P. Labuan iaitu memberikan kefahaman yang jelas tentang

Agama Islam secara menyeluruh bermula dari bangku sekolah lagi. Semoga kerjasama erat ini dapat berterusan pada masa akan datang.

Adik Rahidun Bin Asri dari kelas 5 Ibnu Sina yang juga penghulu kursus telah diumumkan sebagai peserta terbaik lelaki manakala adik Nurul Ain Haziqah Binti Mohd Rashidin dari tingkatan 4 Ibnu Khaldun telah dipilih sebagai peserta terbaik wanita.



Salah satu aktiviti sepanjang kursus Adikku Sayang... Sayangi Dirimu

Penutupan kursus telah disempurnakan oleh Encik Mohd Nizam bin Yasim, pengetua SMK Mutiara. Dalam ucapannya, beliau mengingatkan tentang cabaran-cabaran bentuk baharu yang perlu ditangani dengan oleh remaja muslim masa kini. Setiap individu perlu bersedia untuk membuat perubahan dan melengkapkan diri masing-masing dengan kemahiran insaniah terutama dalam menangani arus Revolusi Industri 4.0.

Semoga jalinan kerjasama yang erat antara pihak JAWI WP Labuan dan SMK Mutiara ini dapat melahirkan modal insan yang unggul peribadi dan budi pekerti sebagai Muslim sejati.

Turut hadir dalam majlis penutupan kursus ini ialah Puan Siti Aminah Binti Zakaria, Penolong Kanan Pentadbiran SMK Mutiara, Ustaz Mohd Basri Bin Mahadi, pegawai JAWI WP Labuan, En. Mohd Zahriman bin Ahmad, wakil PIBG SMK Mutiara, Ustazah Siti Sarah Abdul Majid, Ketua Panitia Pendidikan Islam SMK Mutiara, pegawai-pegawai JAWI WP Labuan dan ahli jawatankuasa kerja Program Adikku Sayang...Sayangi Masa Depanmu.

Pihak sekolah berharap agar sumbangan dan bantuan berterusan daripada pelbagai pihak untuk meningkatkan kemenjadian murid dan kualiti sekolah selaras dengan Anjakan ke-9, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

### **Berita Oleh : SMK Mutiara**



Encik Mohd Nizam menyampaikan cenderahati kepada Ustaz Zulaini